



جاہلان كمالوان اسلام مليسيا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

# DASAR PENDIDIKAN TAHFIZ NEGARA

DASAR PENDIDIKAN TAHFIZ NEGARA

Penerbit:  
**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**  
www.islam.gov.my

Cetakan Pertama 2021

**© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

---

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**  
Bahagian Dasar Kemajuan Islam  
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 Wilayah Persekutuan PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Dicetak dan Atur huruf oleh:  
**FIRDAUS PRESS SDN. BHD.**  
No. 28, Jalan PBS 14/4  
Taman Perindustrian Bukit Serdang  
43300 Seri Kembangan Selangor



# KANDUNGAN

<b>PERUTUSAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</b>	<b>1</b>
<b>KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM</b>	<b>3</b>
<b>TUJUAN</b>	<b>5</b>
<b>LATAR BELAKANG</b>	<b>6</b>
<b>RASIONAL DASAR</b>	<b>9</b>
<b>PERNYATAAN DASAR</b>	<b>11</b>
<b>FALSAFAH PENDIDIKAN TAHFIZ</b>	<b>12</b>
<b>STRATEGI PELAKSANAAN</b>	<b>13</b>
<b>TERAS 1</b>	<b>14</b>
Memantapkan Undang-Undang dan Penguatkuasaan	
<b>TERAS 2</b>	<b>15</b>
Mewujudkan Model Institusi Tahfiz	
<b>TERAS 3</b>	<b>16</b>
Mewujudkan Kurikulum Pendidikan Tahfiz Yang Sesuai Dengan Pendidikan Arus Perdana	
<b>TERAS 4</b>	<b>17</b>
Memperkasakan Tadbir Urus Institusi Tahfiz	
<b>TERAS 5</b>	<b>18</b>
Mewujudkan Sistem Pengiktirafan dan Pensijilan bagi Institusi Tahfiz	
<b>PENUTUP</b>	<b>19</b>



## **PERUTUSAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

**Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi rasa syukur dipersembahkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam dilafazkan kepada Nabi Muhammad SAW semulia-mulia insan, seterusnya kepada seluruh ahli keluarga Baginda dan para sahabat sekalian kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) telah berjaya dirangka.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi pusat pengurusan hal ehwal Islam telah mengambil inisiatif merangka Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN). Pada hemat saya, dokumen dasar ini amat penting sebagai rujukan utama dalam memacu hala tuju dan memperkasa pendidikan tahfiz di Malaysia.

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) meliputi teras dan strategi yang merupakan sebuah dasar yang bersifat menyeluruh dan menjadi rujukan dalam usaha memperkasa pendidikan tahfiz. Dalam era yang semakin mencabar dan perkembangan teknologi yang pesat, maka usaha yang bersepadu serta memerlukan penglibatan semua pihak untuk menghadapi dan menangani isu serta cabaran semasa berkaitan pendidikan tahfiz.

Akhir kata, saya berharap dokumen Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) dapat dimanfaatkan oleh semua pihak

berkepentingan dan agensi-agensi pengurusan hal ehwal Islam di peringkat pusat dan negeri. Tahniah dan terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam merangka dasar ini.

Sekian, terima kasih.

## KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM

**Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan keizinanNya, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) dapat dirangka, berkat kesungguhan serta komitmen yang jitu oleh semua pihak menterjemahkan idea secara realistik.

Penyediaan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) sebagai dokumen rujukan dan garis panduan kepada semua pihak sama ada pihak berkuasa agama atau pihak berkepentingan ke arah menjadikan pendidikan tahfiz lebih berdaya saing serta menyumbang kepada pembentukan generasi al-Quran yang dinamik.

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) menggariskan lima (5) teras utama yang menjadi fokus bagi memperkasa pendidikan tahfiz di Malaysia. Antara teras yang menjadi fokus dasar ini ialah memantapkan undang-undang, mewujudkan model tahfiz, mewujudkan kurikulum tahfiz arus perdana, memperkasa tadbir urus serta mewujudkan sistem pengiktirafan kepada huffaz dan institusi tahfiz. Kerjasama dan penglibatan semua pihak berkepentingan dan pentadbir institusi tahfiz adalah diharapkan bagi merealisasikan pencapaian dasar tersebut.

Akhir kalam, saya mengucapkan terima kasih, tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat, termasuk warga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pihak Berkuasa Agama Negeri, agensi dari pelbagai kementerian serta wakil

persatuan tahfiz yang sama-sama menyumbang kepada pengubalan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN).

Sekian, terima kasih.

## TUJUAN

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) merupakan usaha penyelarasan pengurusan pendidikan tahfiz, iaitu penghafazan al-Quran di Malaysia yang seragam. Dasar ini mengambil kira Dasar Pendidikan Kebangsaan dan peraturan-peraturan sedia ada di negeri-negeri. Ia bertujuan untuk dijadikan garis panduan dalam pengurusan pendidikan tahfiz di seluruh Malaysia.

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) ini telah dipersetujui secara dasar dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali ke-61 pada 28 Jun 2016 dan mendapat perkenan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Kali ke-247 pada 11 Oktober 2017.

## LATAR BELAKANG

### Pengurusan Pendidikan Islam di Malaysia

Pengurusan institusi pendidikan agama tertakluk kepada enakmen yang mengawal sekolah-sekolah agama Islam negeri, peraturan dan kaedah yang sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri.

Perkara 12 (2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

“Tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi bagi pendidikan kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri, dan tidak boleh ada diskriminasi semata-mata atas alasan agama dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang perlu bagi maksud itu.”

Bagi tujuan menyelaras hal-hal berkaitan Islam di peringkat persekutuan, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada tahun 1968 dan JAKIM telah dilantik sebagai urus setia kepada MKI. MKI berfungsi memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran Islam atau pendidikan

agama Islam dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalakkan persamaan undang-undang atau pentadbiran agama Islam di Malaysia.

Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) ditubuhkan oleh MKI sebagai badan penyelaras pelajaran dan pendidikan Islam di Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) seluruh Malaysia termasuklah institusi pendidikan tahfiz.

Fungsi dan tanggungjawab MKI dan LEPAI dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang merupakan urus setia kepada kedua-dua badan tersebut.

### **Pendidikan Tahfiz di Malaysia**

Kesedaran umat Islam terhadap kepentingan dan kelebihan menghafaz al-Quran telah mendorong ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke institusi tahfiz, sama ada di bawah kelolaan Kerajaan Pusat, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), NGO atau institusi tahfiz persendirian.

Pada masa ini, pengawalan institusi tahfiz adalah berada di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri melalui MAIN/JAIN atau Yayasan Islam Negeri-negeri seperti yang terkandung dalam enakmen yang mengawal sekolah-sekolah agama Islam negeri atau peraturan atau kaedah yang sedang berkuat kuasa di negeri berkenaan.

Pengajian tahfiz al-Quran yang dijalankan oleh kerajaan telah bermula seawal 1 Mac 1966 di Masjid Negara selepas penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat sebagai satu unit di Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri. Pengajian ini diasaskan oleh YTM Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama dan telah melalui beberapa fasa penambahbaikan sehingga tertubuhnya Darul Quran JAKIM yang kini beroperasi di Kuala Kubu Baru, Selangor.

Pendidikan tahfiz di Malaysia terus berkembang dengan penubuhan institusi tahfiz MAIN, JAIN, NGO atau institusi tahfiz persendirian. Malah agensi kerajaan termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan juga Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut memperkenalkan program pendidikan tahfiz. Di KPM, pelaksanaan awal yang melibatkan model Ulul Albab telah dilaksanakan pada 2014 dengan menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan pada tahun 2015 pelaksanaannya telah diperluas ke Sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Manakala di peringkat negeri, MAIN/JAIN/ Yayasan Islam Negeri telah menubuhkan institusi tahfiz masing-masing.



## RASIONAL DASAR

Pendidikan tahfiz perlu seiring dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). FPK menyatakan pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan keimanan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Begitu juga dengan FPI yang merupakan satu usaha berterusan untuk menyampai ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Perkembangan institusi tahfiz yang semakin rancak memerlukan satu mekanisme yang selaras dan seragam termasuk isu kawal selia, tadbir urus, pengurusan kewangan, kawalan kualiti dan pengiktirafan, penyelarasan kurikulum dan profesionalisme tenaga pengajar serta keboleh pasaran profesion pelajar.

Berdasarkan senario tersebut, satu dasar yang lengkap diperlukan untuk tujuan penyelarasan dan pemeraksanaan. DPTN akan berperanan sebagai dokumen rujukan dalam memandu institusi pendidikan tahfiz

di seluruh negara bagi menentukan halatuju dan kualiti pendidikan tahfiz selari dengan pendidikan arus perdana.

DPTN merupakan asas penting sebagai landasan jangka panjang bagi mewujudkan pendidikan tahfiz berkualiti seterusnya melahirkan modal insan dan generasi al-Quran dengan masa depan yang cerah dan berkeyakinan.

DPTN juga merupakan asas untuk menetapkan model pendidikan tahfiz yang bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak sehingga ke tahap pendidikan tinggi termasuk juga pendidikan sepanjang hayat mengikut acuan Malaysia.

## PERNYATAAN DASAR

DPTN memberi penekanan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) menyelaraskan pelaksanaan pengurusan institusi pendidikan tahfiz di seluruh negara berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di negeri;
- (ii) menyediakan asas yang kukuh kepada pembangunan potensi para penghafaz al-Quran yang seimbang dan optimum meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi menjamin kualiti penghafaz al-Quran;
- (iii) menyelaraskan pembangunan model dan kurikulum pendidikan tahfiz yang seragam dan bersepadu;
- (iv) menyelaraskan pengurusan institusi pendidikan tahfiz dalam aspek tadbir urus yang mantap dan berkesan;
- (v) menyediakan mekanisma pengiktirafan dan pensijilan bagi para penghafaz al-Quran; dan
- (vi) memastikan semua individu mendapat peluang yang sama untuk mengikuti pendidikan tahfiz.

## FALSAFAH PENDIDIKAN TAHFIZ

Pendidikan tahfiz adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu untuk membaca, menghafaz dan memahami al-Quran, yang mampu menggabungkan ilmu naqli dan aqli serta mengaplikasikannya dalam kehidupan melalui pendidikan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan keimanan kepada Allah SWT untuk melahirkan generasi al-Quran yang menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan ummah.

## STRATEGI PELAKSANAAN

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) akan dilaksanakan melalui lima (5) teras berikut:



# TERAS 1

## Memantapkan Undang-Undang dan Penguatkuasaan

Pengurusan pendidikan tahfiz di Malaysia terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri melalui enakmen yang mengawal sekolah-sekolah agama Islam negeri, peraturan dan kaedah sedia ada negeri. Walau bagaimanapun, enakmen tersebut memperuntukkan kawalan pendidikan Islam secara umum dan pendidikan tahfiz tidak disebut secara khusus. Ini menimbulkan isu di mana terdapat institusi tahfiz yang ditubuhkan tidak mengikut peraturan dan tidak berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri.

Oleh itu, DPTN akan mengukuhkan dan memantapkan aspek kawalan dan penaziran, termasuk keperluan untuk mendapatkan tauliah daripada Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja negeri-negeri berkenaan selaku Ketua Agama Islam di negeri tersebut.

## STRATEGI

1

Memperkasakan undang-undang dan peraturan sedia ada di negeri yang berkaitan dengan pendidikan tahfiz.

2

Menguatkuasakan pendaftaran institusi tahfiz.

3

Memperkasakan aspek penaziran di peringkat Majlis Agama Islam Negeri/Jabatan Agama Islam Negeri.

# TERAS 2

## Mewujudkan Model Institusi Tahfiz

Konsep penubuhan dan operasi institusi pendidikan tahfiz pada hari ini melibatkan pelbagai model dan bentuk pelaksanaan, antara contoh model tahfiz yang terdapat di Malaysia ialah tahfiz integrasi akademik, tahfiz sains, tahfiz sepenuh masa, tahfiz agama dan tahfiz pemulihan. Sudah tiba masanya penyeragaman model pendidikan tahfiz perlu dilaksanakan. DPTN akan menyediakan konsep dan model pelaksanaan pendidikan tahfiz pada peringkat pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, institusi pendidikan tinggi dan pendidikan sepanjang hayat.

## STRATEGI

**1**

**Mewujudkan model/ konsep institusi tahfiz.**

**2**

**Mewujudkan model pendidikan tahfiz peringkat pengajian tinggi.**

**3**

**Membuka peluang yang luas kepada lepasan bidang tahfiz.**

## TERAS 3

### **Mewujudkan Kurikulum Pendidikan Tahfiz Yang Sesuai Dengan Pendidikan Arus Perdana**

Kurikulum Pendidikan Tahfiz akan dibangunkan dengan mengambil kira keperluan mengintegrasikan kurikulum tahfiz selari dengan subjek teras kurikulum perdana, keperluan kemahiran teknikal dan industri.

DPTN akan memberi perhatian terhadap hala tuju dan potensi murid dalam memberi sumbangan kepada pembangunan ummah dan negara.

### STRATEGI

1

Mewujudkan kurikulum tahfiz yang sesuai dan selari dengan pendidikan arus perdana.

2

Institusi tahfiz persendirian menggunakan kurikulum arus perdana.

3

Penawaran yang sistematik oleh institusi pendidikan bagi murid tahfiz menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

4

Penawaran kursus-kursus kemahiran kepada murid tahfiz.



# TERAS 4

## Memperkasakan Tadbir Urus Institusi Tahfiz

Kewujudan institusi pendidikan tahfiz pada hari ini adalah inisiatif pelbagai pihak sama ada kerajaan, NGO atau persendirian. Hal ini menyebabkan bentuk tadbir urus juga berbeza-beza. Sebaliknya, pengurusan dan pentadbiran institusi pendidikan tahfiz di bawah kerajaan adalah lebih tersusun. Manakala institusi di bawah NGO dan persendirian kebanyakannya sangat daif dan memerlukan perhatian.

Oleh itu, DPTN akan menggariskan strategi penambahbaikan premis, infrastruktur, sumber manusia, kebajikan dan kompetensi guru-guru.

## STRATEGI

- 1 Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan guru melalui latihan.
- 2 Menambah baik kemudahan prasarana di institusi tahfiz.
- 3 Memberi peluang yang sama kepada semua anak-anak Islam mengikuti pendidikan tahfiz.
- 4 Mewujudkan mekanisma menyokong kebajikan institusi tahfiz.
- 5 Mempertingkatkan kecekapan pengoperasian institusi tahfiz.

# TERAS 5

## Mewujudkan Sistem Pengiktirafan dan Pensijilan bagi Institusi Tahfiz

Lulusan daripada institusi tahfiz tidak mendapat pengiktirafan sewajarnya daripada mana-mana pihak yang berautoriti. Sudah tiba masanya pendidikan tahfiz diberi pengiktirafan sama seperti pendidikan arus perdana. DPTN akan memberi penekanan kepada kewujudan badan pengiktirafan pendidikan tahfiz secara berpusat dengan mengambilkira kuasa-kuasa negeri dalam undang-undang dan peraturan sedia ada.

Bagi menjamin pengiktirafan terbaik, adalah ditetapkan Sijil Pelajaran Malaysia sebagai kelulusan minima yang perlu ada pada setiap murid tahfiz.

## STRATEGI

**1**

Menyediakan badan pengiktirafan bagi memperakukan tahap profesionalisme hafiz al-Quran.

**2**

Memperakukan pencapaian tahap hafazan murid mengikut penguasaan juzuk al-Quran.

**3**

Mengiktiraf penghafaz al-Quran yang mahir dengan mengeluarkan sijil profesional khas.

**4**

Memberi penarafan dan pengiktirafan kepada institusi tahfiz.

## **PENUTUP**

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) merupakan usaha penyelarasan pengurusan pendidikan tahfiz, iaitu penghafazan al-Quran di Malaysia yang seragam dan berfungsi sebagai garis panduan dalam pengurusan pendidikan tahfiz di seluruh Malaysia bagi memartabatkan pendidikan al-Quran.

